

## Aspirasi OKU antara tumpuan TN50 KPWKM


**KUALA LUMPUR 25 Mei** - Kerajaan akan mempertimbangkan tiga aspirasi orang kurang upaya (OKU) bagi menjayakan program Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, sebanyak tiga idea OKU termasuklah sekurang-kurangnya lima peratus pembuat keputusan terdiri daripada golongan OKU, 20 peratus OKU mempunyai ijazah sarjana muda dan pendidikan awal golongan itu diberikan sama rata.

“Buat masa ini, golongan OKU ini tiada garis panduan yang kukuh seperti orang lain untuk membolehkan mereka berkhidmat kerana hanya satu peratus sahaja diterima berkhidmat dalam sektor awam.

“Kita meneliti semula dan idea itu boleh dilaksanakan segera,” katanya selepas Sesi Dialog Perdana Transformasi Nasional TN50 bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dekat Bangi, di sini hari ini.

Kira-kira 1,000 peserta menghadiri sesi bersama lapan kumpulan sasaran iaitu OKU, wanita, kanak-kanak, warga emas, pertubuhan sukarelawan kebajikan, orang



ROHANI ABDUL KARIM memperkatakan sesuatu kepada peserta Program Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

papa, mangsa bencana alam dan keluarga.

Dalam masa sama, beliau berkata, kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan modul pendidikan seksual.

“Perbincangan tersebut bagi

menangani isu sumbang mahram semakin meningkat dan sekali gus mencemar imej tamadun,” katanya.

Katanya, kes tersebut biasanya berlaku disebabkan ketiadaan ilmu.

“Sehingga kini, 70 peratus kes sumbang mahram berlaku oleh individu yang dikenali termasuk bapa, bapa saudara, abang dan

ahli keluarga terdekat,” katanya.

Aspirasi lain yang akan diberikan tumpuan adalah mewujudkan pusat aktiviti warga emas di setiap Parlimen.

Dalam pada itu, beliau juga memberi penumpuan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di setiap kem badan uniform.